

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 30.3.2015

SOALAN :

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian menyedari terdapat berbagai rungutan dari warga pendidik di sekolah-sekolah Kerajaan dan jika menyedarinya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya dan adakah Kementerian dalam usaha perubahan dasar, sistem atau kaedah pembelajaran ianya dirujuk dan dirunding dengan pimpinan kesatuan guru yang sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memberi penerangan dan maklumat berkaitan dengan pelaksanaan Pembangunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dari semasa ke semasa melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan. PPPM juga telah melibatkan rundingan awam secara meluas dengan kesatuan guru, pemimpin politik dan setiap lapisan masyarakat. KPM sedar bahawa peningkatan kesedaran warga pendidikan tentang PPPM adalah sangat penting bagi memastikan transformasi pendidikan itu berlaku.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Penataran Maklumat dan Pengurusan Perubahan telah ditubuhkan pada bulan April 2014 bagi memastikan setiap warga pendidikan sedar, faham dan melaksanakan usaha transformasi pendidikan. Jawatankuasa tersebut telah memberi latihan kepada 486 Jurulatih Utama Penataran Maklumat dan Pengurusan Perubahan dalam kalangan pegawai JPN, PPD, IPG dan Kolej Matrikulasi untuk meningkatkan kefahaman dan komitmen terhadap pelaksanaan PPPM. Sudut PPPM juga telah diwujudkan di semua institusi pendidikan sejak 2013 bagi menjelaskan lagi ekosistem transformasi pendidikan secara menyeluruh yang melibatkan murid, guru, pemimpin sekolah dan ibu bapa. KPM juga sentiasa terbuka terhadap sebarang maklum balas dan aduan berhubung dengan pelaksanaan PPPM bagi melakukan penambahbaikan secara berterusan.

KPM juga telah mengadakan perbincangan dan permuafakatan bersama Kesatuan/Persatuan Guru untuk memberi penjelasan kepada permasalahan yang timbul dalam kalangan warga pendidik serta kaedah penyelesaiannya terutama berkaitan perubahan dasar, sistem atau kaedah pembelajaran.

RJM81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]**

TARIKH : 30 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN : 71

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Awam dan apakah skop tugas serta tanggungjawab suruhanjaya ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mempunyai cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan. Skop tugas dan tanggungjawab suruhanjaya ini sedang diperincikan.

SOALAN (72)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 30 MAC 2015
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU
MANSUR
[SILAM]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR [SILAM] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuka lagi satu Balai Bomba di Lahad Datu memandangkan keluasan jagaan Balai Bomba Lahad Datu adalah 6,537 batu persegi dan berlaku peningkatan jumlah penduduk setiap tahun.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memang berhasrat untuk meningkatkan keupayaan perkhidmatan kebombaan di kawasan Lahad Datu.

Kementerian ini melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah memohon projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lahad Datu dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11 tahun 2016). Kementerian juga akan memohon kelulusan bagi perolehan tapak balai bomba baru di kawasan Silam dan pada masa sama sedang dalam proses pencarian tapak tanah di kawasan Felda Sahabat.